

26/10/2003

Stockholm kota serba mahal

Manja Ismail

KAMI berada di Stockholm, Sweden kira-kira dua minggu selepas Menteri Luarnya, Anna Lindh, mati ditikam oleh seorang lelaki tidak dikenali di sebuah pusat membeli-belah di pusat bandaraya itu bulan lalu. Walaupun, kes pembunuhan itu masih dilaporkan oleh media Barat ketika itu, ia tidak

menjejaskan kehidupan seharian di bandaraya ini.

Pembunuhan menteri yang terkenal memperjuangkan supaya rakyat Sweden menerima penggunaan mata wang Euro itu tidak menakutkan pelancong untuk terus mengunjungi ibu kota ini kerana ia dianggap kes terpencil, sama ada

bermotifkan politik atau angkara orang yang kurang siuman.

Kerana itu, rombongan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan lalu tidak memerlukan kawalan keselamatan yang ketat seperti di

negara lain. Malah, Perdana Menterinya, Goran Persson sama seperti Dr Mahathir, mudah didekati wartawan dengan kawalan keselamatan paling minimum.

Stockholm, ibu kota negara pengeluar beberapa jenama dunia - antaranya Volvo, Ericsson dan IKEA serta melahirkan pelakon Greta Garbo dan kumpulan

ABBA - sebenarnya merangkumi beberapa pulau dalam gugusan 24,000 pulau di

utara Laut Baltik. Kedudukannya itu menjadikan Stockholm sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan utama Eropah sejak abad ke-13 lagi.

Walaupun bandar raya ini diisytiharkan sebagai ibu kota Sweden pada 1634

lagi, hanya pada kurun ke-18 institusi dan bangunan mempunyai seni bina yang menarik mula didirikan ekoran berkembangnya bidang sains dan kesenian

ketika itu.

Selepas mengalami beberapa krisis termasuk pembunuhan King Gustav III dan beberapa rusuhan, Stockholm bangkit semula pada 1860 dengan jalan yang

lebar dan bangunan dibina. Malah pada 1912, bandar raya ini menjadi tuan rumah Sukan Olimpik musim panas.

Bagaimanapun, kemunculan Stockholm sebagai salah sebuah kota raya terbesar di Scandinavia bermula pada 1960-an apabila beberapa bandar baru

di sekitarnya tumbuh dan beberapa terusan dibina. Kemuncak kepesatan sektor kewangan dan pembinaannya pada 1980-an menjadikan Stockholm antara

bandar raya termahal di dunia.

Hanya apabila mengalami kelembapan ekonomi yang menyebabkan nilai mata wang Sweden, krona, jatuh pada 1990-an, kos di ibu kota ini turun sedikit

dan mendorong kedatangan pelancong. Begitupun, ia tidak semurah London atau Amsterdam atau beberapa kota lain di Eropah.

Bagi pelancong kelas sederhana, Stockholm bukanlah kota pilihan

kecuali

mereka membuat perancangan sebelum mengunjunginya. Apa tidaknya, tiga biji

fillet o fish dan tiga cawan kopi berharga kira-kira RM140. Kerana itu, peniaga, daripada kedai makanan segera sehinggalah taksi menyediakan mesin

kad kredit.

Begitupun, Stockholm menarik ramai warga asing untuk menetap dan bekerja di sana termasuk rakyat Malaysia. Kira-kira 15 peratus daripada dua juta penduduk kota ini adalah pendatang asing.

Justeru, tidak hairanlah apabila penulis, ketika mahu membeli dua helai jersey pasukan bola sepak kebangsaan Sweden di sebuah kedai cenderahati di

Stockholm, disapa dalam bahasa Melayu pelat Bangladesh oleh seorang jurujualnya.

Pemuda itu, Arshad mendakwa dia belajar tiga tahun di Universiti Malaya pada akhir 1990-an sebelum datang ke Stockholm dan kini menjadi pemastautin tetap Sweden. Apabila penulis bersungut bahawa kota ini amat mahal, beliau menjawab: "Tak apa bang, barang mahal, gaji pun mahal walaupun menjadi jurujual seperti saya."